

**F**akulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), berhasrat menjadi rujukan antarabangsa dalam bidang perubatan dan sains kesihatan. Bertepatan matlamat itu, UniSZA bakal membangunkan hospital pengajaran bernilai RM600 juta di Kampus Gong Badak, Kuala Terengganu. Wartawan Varsiti, Muhammad Reza Muhsain, menemu bual Naib Canselor UniSZA, Prof Dr Yahaya Ibrahim, mengenai perancangan lebih lanjut untuk memacu perkembangan masa depan fakulti itu.

**Q:** Bolehkah Prof menerangkan secara lebih terperinci mengenai hospital pengajaran yang bakal dibina di UniSZA?

**J:** Kos untuk membangunkan hospital pengajaran ini ialah RM600 juta, dan ia akan dibina dalam dua fasa yang masing-masing membabitkan peruntukan RM300 juta berdasarkan Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10) serta RMK-11. Upacara pecah tanah untuk projek itu dijangka berlangsung pada September depan.

Hospital itu akan dibangunkan di kampus induk UniSZA di Gong Badak, Kuala Terengganu, di lokasi berhampiran tasik yang sekali gus diharap boleh menjadi terapi menenangkan pesakit, dengan berasaskan konsep hospital pengajaran milik Universiti McGill di Kanada.

Hospital ini akan mempunyai 400 katil, secara langsung membantu menampung keperluan dan meringankan

# Hospital mercu tanda terbaharu UniSZA



**“SEPERKARA MENARIK, HOSPITAL INI AKAN TURUT MENYEDIAKAN SAYAP KHUSUS UNTUK PERUBATAN PERIBADI BAGI MEREKA YANG MEMERLUKAN PERKHIDMATAN SEDEMIKIAN”**

**Dr Yahaya Ibrahim,**  
Naib Canselor UniSZA

beban Hospital Sultanah Nur Zahirah yang terlalu sesak dengan pesakit.

Selain menjadi pusat latihan untuk pelajar dalam bidang perubatan di UniSZA, hospital itu juga diharap dapat memberi perkhidmatan terbaik kepada penduduk setempat yang amat memerlukan hospital alternatif.

Seperkara menarik, hospital itu akan turut menyediakan sayap khusus untuk perubatan peribadi bagi mereka yang memerlukan perkhidmatan sedemikian.

**Q:** Apakah impak pembangunan hospital pengajaran ini kepada program perubatan di UniSZA?

**J:** Hospital ini akan menjadi hospital penyelidik. Sehubungan dengan itu, seluruh warga fakulti ini digalakkan mengambil peluang untuk mempertingkatkan hasil inovasi mereka dan kesempatan sama juga terbuka kepada profesor pelawat. Hospital ini akan dilengkapi dengan segala kelengkapan dan teknologi terkini yang perlu dimanfaatkan sebaik mungkin.

**Q:** Di manakah pelajar program perubatan di UniSZA akan menjalani latihan praktikal mereka semantara menunggu hospital ini siap dibina?

**J:** Ketika ini, kebanyakan pelajar berkenaan menjalani latihan praktikal di Hospital Sultanah Nur Zahirah serta hospital di daerah berdekatan.

**Q:** Adakah UniSZA menjangkakan berupaya memenuhi permintaan dalam bidang perubatan negara?

**J:** Insya-Allah, kemampuan UniSZA memenuhi permintaan itu bergantung kepada peningkatan jumlah tenaga pengajar dan katil yang akan diperuntukkan di hospital itu kerana dunia perubatan semakin dinamik.

Mengenai pengambilan pelajar pula, ia bergantung kepada peruntukan yang akan ditentukan oleh kerajaan tetapi dengan adanya hospital ini, diharap dapat menarik kemasukan lebih ramai tenaga pengajar.

**Q:** Apakah impak kerjasama UniSZA dengan universiti luar negara dalam bidang perubatan?

**J:** Kerjasama dengan universiti luar negara membantu UniSZA mengatasi masalah kekurangan tenaga pengajar yang membantutkan perkembangan fakulti ini. Mela-



**Prof Dr Yahaya Ibrahim**

lui kerjasama yang terjalin itu, UniSZA mendapat akses kepada profesor pelawat yang akan banyak memberi impak positif kepada pelajar universiti ini.

Profesor pelawat akan menggunakan 100 peratus bahasa Inggeris dalam kuliah, selain dapat berkongsi pengalaman mereka menangani penyakit yang jarang ditemui di Malaysia tetapi biasa di negara lain seperti Kemboja atau Syria.

**Q:** Adakah UniSZA akan memperkenalkan fakulti atau program baharu pada tahun ini?

**J:** Dalam bidang perubatan, UniSZA akan memperkenalkan program sains kesihatan.

Selain itu dalam bidang kejuruteraan, kami akan memperkenalkan program komunikasi mudah alih dan tanpa wayar, manakala jurusan kemanusiaan pula ialah filem, reka bentuk dalaman, reka bentuk fesyen, bahasa Inggeris dan komunikasi, pentadiran perniagaan, kerja sosial serta psikologi.

Semua program berkenaan akan ditawarkan pada peringkat ijazah sarjana muda.

**“HOSPITAL AKAN MENYEDIAKAN HOSPITAL PENYELIDIKAN SEHUBUNGAN ITU, SELURUH WARGA FAKULTI INI DIGALAKKAN MENGGAMBARKAN PELUANG UNTUK MEMPERTINGKAT HASIL INOVASI”**

